

**Perpustakaan Negara Perlukan Ramai Pakar Dan Pengkaji Manuskrip
Bernama
24 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Perpustakaan Negara memerlukan ramai pakar dan pengkaji tempatan membantu badan itu menganalisis manuskrip lama berkaitan sejarah tamadun bangsa Melayu yang dimilikinya.

Ketua Pengarahnya, Datuk Raslin Abu Bakar berkata perpustakaan itu mempunyai kira-kira 4,600 naskah manuskrip lama, namun tidak semua dapat dibaca kerana ditulis dalam tulisan jawi lama.

"Kebanyakan bahan manuskrip diperolehi daripada dalam negara dan rantau ini serta negara luar yang tertumpu kepada manuskrip Melayu," katanya kepada Bernama di sini Selasa.

"Memang kajian dibuat sebelum ini oleh universiti tempatan tetapi tidak banyak. Saya berpendapat kajian manuskrip Melayu ini perlu diperluaskan kerana setiap bahan tersebut mengandungi ilmu mendalam dari segi budaya dan warisan khazanah bangsa.

"Oleh itu lebih ramai pakar dan pengkaji dalam penulisan manuskrip diperlukan," katanya.

Raslin berkata selain pakar dan pengkaji manuskrip, orang awam yang ada kepakaran membaca tulisan jawi lama diminta tampil membantu dalam penyelidikan manuskrip ini supaya dapat menghidupkannya semula untuk kebaikan bersama.

"Sehingga hari ini masih ramai yang tidak mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan manuskrip kerana kurang pendedahan dan pengetahuan mengenai penulisan manuskrip," katanya.

Perpustakaan Negara, katanya, turut mengadakan pelbagai kempen antaranya galakan membaca tulisan jawi bertujuan memberi pendedahan kepada orang ramai tentang tulisan jawi dan manuskrip Melayu.

Raslin berkata Khamis ini Perpustakaan Negara akan menganjurkan program 'Wacana Manuskrip Melayu' sebagai pentas mempromosikan penulisan manuskrip kepada orang ramai khususnya, golongan pelajar dan pendidik.

"Program selama sejam itu akan melibatkan perbincangan dan pembentangan kertas kerja berhubung 'Aset Ilmu Rumpun Melayu' oleh Siti Mariani S.M Omar dan 'Kitab Tib' (Ilmu Perubatan Melayu) oleh Dr Harun Mat Piah," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641912>

